

27 JAN 2001

PBTM-Kemudahan

PBTM SAMBUT BAIK KENYATAAN DR MAHATHIR MENGENAI KEMUDAHAN TENTERA

KOTA BAHARU, 27 Jan (Bernama) -- Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menambah kemudahan kepada anggota tentera.

Presidennya, Senator Datuk Muhammad bin Abdul Ghani berkata kenyataan Dr Mahathir itu merupakan bukti keprihatinan kerajaan terhadap pengorbanan anggota tentera.

"Langkah itu juga akan menimbulkan minat kepada remaja untuk menyertai angkatan tentera," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus kepimpinan Gerak Wira PBTM di Kem Kijang di sini, hari ini.

Semalam, ketika menghadiri majlis sambutan Aidilfitri bersama anggota tentera di Kem Gubir, Mukim Belatek di Sik, Kedah, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menambah pelbagai kemudahan kepada anggota tentera termasuk elaun dan kemudahan perumahan.

Perdana Menteri berkata langkah itu adalah sebagai menghargai sumbangan dan pengorbanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Muhammad berharap kemudahan itu akan diberikan secepat mungkin kerana anggota tentera sememangnya sudah lama menunggu kemudahan tersebut.

Beliau juga meminta Kementerian Pertahanan supaya meneliti semula perjalanan Perwira Niaga Malaysia (Pernama) yang dikatakan menjual barangan lebih mahal daripada harga di premis luar.

"Ia sudah lari daripada tujuan asal penubuhannya itu bagi membantu tentera sebaliknya menjual barangan yang begitu mahal dan banyak aduan yang telah diterima berhubung perkara itu," katanya.

Sementara itu, beliau menyarankan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) supaya menubuhkan pusat latihan dan perniagaan di setiap negeri.

Katanya langkah memperluaskan pusat berkenaan adalah wajar bagi memudahkan tentera dan bekas anggotanya menyertai latihan yang disediakan oleh Perhebat.

Jika ia diadakan di setiap negeri, akan lebih ramai tentera dan bekas anggota tentera menyertai pelbagai kursus dan latihan, katanya.

Seramai 200 peserta dari seluruh Kelantan menyerai kursus sehari itu.

--BERNAMA

ZI BD RI